



LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
BANGUNAN FAMA POINT, LOT 17304, JALAN PERSIARAN SATU,
BANDAR BARU SELAYANG, 68100 BATU CAVES, SELANGOR DARUL EHSAN.
Tel: 603-61262020 No Faks : 603-61383650 Email : fama@fama.gov.my

SIARAN MEDIA

PEMBANGUNAN OUTLET PEMASARAN FAMA

BESUT, 5 MAC 2021 – YB Datuk Seri Haji Ahmad Bin Hamzah, Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan I pada hari ini telah melakukan lawatan kerja ke Agrobazaar Nyiur Tujuh, Besut, Terengganu bagi melihat sendiri Agrobazaar ini yang mana berfungsi sebagai outlet pemasaran dan promosi produk industri makanan serta produk segar.

Bermula pada awal tahun ini sehingga akhir Januari 2021, FAMA telah berjaya membangunkan 2,343 outlet pemasaran kekal dan separa kekal yang moden seperti Pasar Tani Kekal (PTK), Rural Transformation Centre (RTC), Agrobazaar, Gerai Buah-Buahan Segar (GBBS), Medan *Food Truck* dan lain-lain yang melibatkan seramai 50,189 usahawan bimbingan dengan nilai jualan RM137.1 juta.

Agrobazaar adalah sebuah outlet peruncitan yang berperanan sebagai pusat pemasaran one stop centre dan promosi produk Industri Asas Tani (IAT) serta lain-lain hasil berasaskan pertanian. Projek ini merupakan satu entiti outlet runcit yang berfungsi untuk menyediakan ruang pasaran yang kompetitif sebagai pusat jualan dan promosi produk IAT.

FAMA telah berjaya membangunkan lapan Agrobazaar di seluruh negara dan telah merekodkan nilai jualan RM11,892,699.72 berakhir Disember 2020 dengan memasarkan 32,292 SKU produk.

YB Datuk Seri Haji Ahmad Bin Hamzah, Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan I berkata, “Pembangunan Agrobazaar Nyiur Tujuh ini menunjukkan satu lagi usaha oleh Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) dalam membantu usahawan tani selain dijadikan sebagai hab pemasaran dan jualan produk tempatan berpotensi meraih pendapatan lebih buat mereka.”

Negeri Terengganu mempunyai tiga lokasi Agrobazaar. Selain Agrobazaar Nyiur Tujuh, Besut, dua lagi berada di Kuala Terengganu iaitu Agrobazaar Chendering dan Agrobazaar Permint Jaya.

Jumlah keseluruhan nilai jualan bagi ketiga-tiga Agrobazaar negeri Terengganu ini mencatatkan RM1,041,555.93 (Januari 2021-Februari 2021) dan untuk data nilai jualan bagi Agrobazaar Nyiur Tujuh, Besut sahaja mencatatkan RM125,705.69 sejak ianya dibuka pada 1 Februari 2021.

Agrobazaar Nyiur Tujuh, Besut telah dibuka pada 1 Februari 2021. Dibina di tapak Pasar Tani Kekal Nyiur Tujuh, Besut. Ianya beroperasi setiap hari dari jam 8.00 pagi hingga 10.30 malam dan menawarkan sebanyak 4,200 *Stock Keeping Unit* (SKU) produk.

Konsep Agrobazaar Nyiur Tujuh merupakan *one stop centre* pelbagai produk industri makanan dan segar, hab jualan secara atas talian (*online*) dan lokasi *pick up point*, hab agro pelancongan bagi mempromosikan produk keluaran tempatan dan sebagai segmentasi pasaran baru kepada usahawan tani dalam memasarkan produk mereka.

Turut hadir YB Tengku Zaihan Bin Che Ku Abd. Rahman, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kuala Besut, YBhg Dato' Haji Zainal Abidin Bin Yang Razalli, Ketua Pengarah FAMA, YB Datuk Wira Haji Ghazale Bin Muhamad, Ahli Lembaga Pengarah FAMA dan En Faidz Afizi Bin Mohamed, Ketua Pegawai Eksekutif FAMA Corporation Sdn. Bhd.

#####

Untuk pertanyaan, sila hubungi:

Mohd Anzara Azizan@Halim
Pengarah Komunikasi Korporat
Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA)
017-8448420 / anzara@fama.gov.my

Muhammad Firdaus Bin Kamil Hadi
Penolong Pengarah Kanan Komunikasi Korporat
Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA)
012-3566350 / muhammad_firdaus@fama.gov.my